

## Application Of *Maqasid Syariah* Towards The Interpretation Of Alcohol Laws In *Tafsir Al-Azhar*

### Aplikasi *Maqasid Syariah* Terhadap Pentafsiran Ayat Hukum Arak Dalam *Tafsir al-Azhar*

Mohd Fazali Abdul Manas, Abd Rahman Abd Ghani\*, Mohd Noor Daud

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my

**Article history:** Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

#### Abstract

This study aimed to identify of maqasid syariah and its importance in the interpretation of laws in the Quranic verses. This study also aimed to analyze maqasid syariah in the interpretation of alcohol laws in the Quran verses which were applied by Hamka in *Tafsir al-Azhar*. This study used texts and contents analyses. Inductive, deductive and comparative methods were also used to analyze the data. The main result of this study showed that the maqasid syariah was applied by mufassir in interpretation of the laws in the Quran verses. The study found that Hamka has applied the maqasid syariah in the interpretation of alcohol laws in the Quran verses in *Tafsir al-Azhar*. This study concludes that the application of maqasid syariah in the interpretation of law verses in the Quran should be emphasized by mufassir. The collection of law verses is important to facilitate Muslims to refer and practice them. The implication is that the study has created a *maqasidi* thematic interpretation methodology and it can be used as a method to interpret law verses in the Quran.

**Keyword:** Application, maqasid syariah, verses of alcohol law, hamka, tafsir al-azhar

#### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maqasid syariah dan kepentingannya dalam memahami ayat-ayat hukum. Kajian ini juga untuk menganalisis maqasid syariah terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum arak yang telah diaplifikasi oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar*. Metodologi kajian ini adalah berbentuk analisis teks dan analisis kandungan. Manakala pendekatan induktif, deduktif dan komparatif digunakan untuk menganalisis data tersebut. Dapatkan kajian ini menunjukkan maqasid syariah mempunyai peranan dalam pentafsiran ayat-ayat hukum. Kajian ini juga mendapat bahawa Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum arak dalam *Tafsir al-Azhar*. Kajian ini merumuskan bahawa pengaplikasian maqasid syariah terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum wajar diberi tumpuan oleh mufassir. Ayat-ayat hukum pula dikumpul berdasarkan tema-tema bagi memudahkan umat Islam merujuk dan berahal dengannya. Implikasinya, kajian ini telah membangunkan satu metodologi tafsir tematik *maqasidi* dan ia boleh dijadikan sebagai satu kaedah pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum.

**Kata Kunci:** Aplikasi, maqasid syariah, ayat-ayat hukum arak, hamka, tafsir al-azhar

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### ■1.0 PENDAHULUAN

Maqasid syariah mempunyai peranan bagi meluaskan kefahaman terhadap pentafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum. Hal ini disebabkan nas Quran khususnya ayat-ayat hukum akan menjadi sumber kepada peraturan hidup manusia. Oleh itu, mufassir tidak boleh mengelak untuk mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam karya mereka. Artikel ini ingin membahaskan kepentingan maqasid syariah bagi meluaskan kefahaman terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum. Oleh itu, penulis telah membahaskan definisi dan kepentingan maqasid syariah untuk memahami nas Quran. Penulis juga membuat penjelasan mengenai maqasid syariah dan hubungannya dengan pentafsiran ayat-ayat hukum. Akhirnya, penulis mengemukakan maqasid syariah yang telah diaplifikasi oleh Hamka terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum arak dalam *Tafsir al-Azhar*.

## ■2.0 DEFINISI MAQASID SYARIAH

Menelurusi definisi maqasid syariah sebagai definisi bagi suatu disiplin ilmu yang kukuh sukar diperolehi dalam kalangan para sarjana terdahulu. Hal ini diakui oleh Ahmad al-Raysuni, Mahmood Zuhdi dan lain-lain (Mahmood Zuhdi et al., 2012), (Ahmad al-Raysuni, 2010). Menurut Mahmood Zuhdi, definisi maqasid syariah tidak pernah dibuat oleh ulama tradisional seperti definisi ilmu-ilmu lain. Namun begitu, bukan bermaksud maqasid syariah tidak dibincang oleh ulama yang terdahulu. Al-Juwaini, al-Ghazali dan ulama yang lain telah membincangkan maqasid syariah dari aspek ta'lil al-ahkam atau aspek maslahah dan mafsaadah (Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, t.t). Hal ini dapat dibuktikan menerusi pemikiran al-Juwaini yang mengasaskan pembahagian martabat maqasid syariah kepada al-dururiyat, al-hajiyat dan al-tahsiniyat. Pembahagian tersebut dikembangkan oleh al-Ghazali menerusi karyanya al-Mustasfa dan Syifa' al-Ghalil. Menurut Ahmad al-Raysuni, pemikiran maqasid syariah al-Juwaini dikembangkan pula oleh 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Syatibi (Ahmad al-Raysuni, 2014). Ahmad al-Raysuni menambah bahawa punca utama para sarjana tidak memberi definisi kepada maqasid syariah kerana konsep mengenainya begitu jelas sehingga tiada keperluan kepada definisi yang formal.

Pada pengamatan penulis, kebanyakan ulama tradisional membincangkan konsep maqasid syariah dari aspek maslahah dan mafsaadah. Hal ini boleh dilihat kepada tulisan al-Juwaini, al-Ghazali dan lain-lain yang menjelaskan aspek maslahah dibahagikan kepada al-dururiyat, al-hajiyat dan al-tahsiniyat (Nur al-Din Mukhtar al-Khadimi, 2013). Namun, perbincangan ini termasuk dalam konteks ilmu Usul al-Fiqh kecuali 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Syatibi yang telah menulis maqasid syariah secara berasingan daripada bab-bab dalam Usul al-Fiqh. Walaupun begitu, mereka masih belum mendatangkan definisi secara khusus mengenai maqasid syariah.

Ketika Ibn 'Asyur muncul membincangkan maqasid syariah menerusi karyanya Maqasid al-Syariah al-Islamiyah, maka terdapat di kalangan para sarjana cenderung mengikuti jejaknya untuk memberi definisi maqasid syariah. Ekoran daripada itu, muncul 'Ilal al-Fasi, Ahmad al-Raysuni, al-Yubi, al-Khadimi dan sebagainya mendatangkan definisi maqasid syariah dalam tulisan ilmiah mereka 'Ilal al-Fasi, 2011), (Ahmad al-Raysuni, 2014), (Muhammad Sa'ad bin Ahmad al-Yubi, 1998), (Nur al-Din Mukhtar al-Khadimi, 2013). Menerusi karya Maqasid al-Syariah al-Islamiyah Ibn 'Asyur telah membuat definisi maqasid syariah sebagai objektif yang merangkumi keseluruhan atau sebahagian hukum yang terdapat di dalam syariat (Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur , 2011). Mahmood Zuhdi memberi komentar bahawa definisi ini hanya tertumpu kepada maqasid 'ammah (Mahmood Zuhdi et al., 2012). Menurutnya, definisi ini tidak merangkumi pembahagian maqasid syariah yang dikemukakan oleh Ibn 'Asyur sendiri, iaitu maqasid 'ammah dan maqasid khassah. Justeru, Mahmood Zuhdi menambah bahawa definisi maqasid khassah diperlukan untuk membeza antara maqasid 'ammah dan maqasid khassah. Ekoran daripada itu, Mahmood Zuhdi telah menyatakan bahawa Ibn 'Asyur ada memberi definisi maqasid khassah. Menurutnya, definisi tersebut ialah realisasi objektif umum berkaitan dalam mana-mana keperluan manusia yang khusus. Menurutnya lagi, definisi ini telah melengkapkan pembahagian maqasid syariah yang dikehendaki oleh Ibn 'Asyur.

Secara asasnya, definisi yang dikemukakan oleh Ibn 'Asyur agak sukar difahami sebagai suatu definisi yang mantap. Definisi seperti ini boleh mendatangkan kekeliruan kerana terpaksa membezakan antara maqasid 'ammah dan maqasid khassah. Sebaiknya Ibn 'Asyur membina satu definisi yang menyentuh maksud maqasid 'ammah dan maqasid khassah yang diutara olehnya. Ahmad al-Raysuni telah membuat kritikan terhadap definisi Ibn 'Asyur maqasid syariah dengan menyatakan bahawa definisi tersebut lebih menonjol kepada ulasan definisi bukan definisi sebenarnya (Ahmad al-Raysuni, 2014). Terdapat beberapa sarjana lain telah memberi definisi maqasid syariah seperti 'Ilal al-Fasi yang menyatakan bahawa maqasid syariah itu sebagai idealisme kepada syariat itu sendiri dan rahsia sebalik ketentuan hukum di dalamnya. Menurutnya, maqasid syariah ialah matlamat daripadanya dan rahsia-rahsia yang ditetapkan oleh syarak bagi setiap hukum-hukumnya ('Ilal al-Fasi, 2011). Menurut Ahmad al-Raysuni, definisi ini telah melengkappi maqasid 'ammah dan maqasid khassah yang diutarakan oleh Ibn 'Asyur. Ulasan Ahmad al-Raysuni ini telah memberi gambaran ketetapan sesuatu definisi maqasid syariah yang jami' lagi mani' berbanding definisi Ibn 'Asyur yang terpaksa membawa dua definisi untuk menjelaskan maqasid 'ammah dan maqasid khassah.

Menerusi penelitian penulis, 'Ilal al-Fasi sendiri tidak menghuraikan definisi yang diberikan seperti huraian Ahmad al-Raysuni. Hal ini boleh jadi disebabkan 'Ilal al-Fasi membahagikan maqasid syariah kepada qasd al-syar' dan qasd al-muallaf seperti pembahagian al-Syatibi. Oleh itu, menerusi kajian ini penulis mendapati bahawa 'Ilal al-Fasi lebih cenderung menjelaskan definisinya kepada hikmah-hikmah dan rahsia-rahsia mengenai hukum syarak secara umum. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi karyanya yang memfokuskan kepada konsep maqasid syariah secara umum, sumber-sumber hukum, kaedah-kaedah penetapan maqasid syariah dan sebagainya.

Manakala definisi-definisi yang dibuat oleh para sarjana maqasid syariah kontemporari hampir menyamai maksud definisi atau huraian dua tokoh maqasid syariah tersebut iaitu Ibn 'Asyur dan 'Ilal al-Fasi. Hal ini dapat dilihat kepada definisi Ahmad al-Raysuni, Yusuf al-'Alim, al-Yubi, Wahbah al-Zuhayli dan lain-lain. Menurut Isma'il Muhammad al-'Abidan, semua definisi tersebut banyak tertumpu kepada matlamat-matlamat, tujuan-tujuan dan hikmah-hikmah yang ditetapkan oleh syarak untuk mendapatnya bagi mencapai maslahah dan menolak mafsaadah manusia di dunia dan akhirat (Isma'il Muhammad al-Sa'idat , 2011).

Menerusi pengamatan penulis, definisi yang dikemukakan oleh sarjana kontemporari menjurus kepada suatu disiplin ilmu maqasid syariah yang tersendiri sedangkan sarjana tradisional mengemukakan definisi dalam ruang lingkup ilmu Usul al-Fiqh. Hal ini boleh dilihat kepada al-Ghazali yang telah memberi konsep asas maqasid syariah sebagai memelihara agama, jiwa, akal, keterunan, dan harta. Menurutnya, setiap perkara yang mendatangkan maslahah dan menolak mafsaadah terhadap lima perkara ini, maka ia adalah maqasid syariah (Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, t.t).

### ■3.0 KEPENTINGAN MAQASID SYARIAH MEMAHAMI NAS QURAN

Nas Quran mempunyai maqasid yang hendak disampaikan kepada manusia. Menurut ‘Abd al-Karim Zaydan, mengetahui rahsia-rahsia syarak dan tujuan pensyiaran hukum-hukum akan membantu kefahaman nas Quran secara baik serta boleh mengambil hukum berdasarkan maqasid syariah (‘Abd al-Karim Zaydan, 1993). ‘Abd al-Majid al-Susuwah menyokong pandangan ‘Abd al-Karim Zaydan dengan menyatakan bahawa mengambil maqasid al-syari‘ah merupakan asas memahami nas Quran (‘Abd al-Majid al-Susuwah, t.t). Menurutnya, untuk memahami nas Quran tidak hanya bergantung kepada lafadz yang zahir semata-mata, tetapi ianya perlu melihat kepada maqasid syariah. Hal ini disebabkan nas Quran adalah berkaitan dengan hukum dan ‘ilat hukum yang mempunyai maslahah ketetapan Allah SWT. Perkara ini menjadi prinsip jumhur ulama dan mereka telah memperakui bahawa nas Quran ada maqasid syariah yang perlu diperjelaskan ketika mentafsirkan dan mengistibatkan hukum. Namun begitu, pandangan jumhur ini ditolak oleh mazhab al-Zahiriyyah yang hanya mengambil pendekatan zahir ayat ketika mengistinbatkan hukum (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Ekoran daripada ini, Ahmad al-Raysuni menjelaskan bahawa mutakhir ini juga tedapat dua golongan dalam dunia akademik yang tersasar dalam memahami nas Quran berkaitan dengan hukum. Menurutnya, golongan pertama ialah golongan daripada Madrasah al-Maqasidiyyah iaitu aliran yang tidak bergantung kepada nas atau sedikit menggunakan nas. Manakala golongan yang kedua pula ialah golongan Madrasah Nassiyyah iaitu aliran yang menggunakan zahir ayat semata-mata.

Yusuf al-Qaradawi pula menyatakan bahawa terdapat tiga aliran pemikiran dewasa ini dalam memahami nas dalam konteks maqasid syariah (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Menurutnya, kumpulan tersebut ialah;

- i. Madrasah al-Zahiriyyah Moden.

Golongan ini melihat nas Quran secara zahir serta menolak ‘ilah al-Hukm yang berkaitan dengan maqasid.

- ii. Madrasah al-Mu‘attalah Moden.

Golongan ini menyangka bahawa agama tidak mempunyai kerangka yang kukuh lalu mereka membuat pentakwilan yang jauh daripada nas Quran dengan alasan untuk memenuhi maqasid syariah.

- iii. Madrasah Wasatiyyah.

Golongan ini adalah kumpulan yang menjadikan nas sebagai pegangan bersama dengan maqasid syariah.

Walaupun Ahmad al-Raysuni tidak menyatakan kumpulan yang sederhana seperti Yusuf al-Qaradawi, penulis dapat menyimpulkan bahawa golongan yang ketiga adalah golongan yang sederhana dan seimbang ketika berinteraksi dengan nas Quran. Ternyata di sini bahawa Ahmad al-Raysuni dan Yusuf al-Qaradawi sepakat menolak golongan nassi semata-mata dan golongan maqasidi semata-mata. Hal ini disebabkan al-Qur'an al-Karim perlu dihayati nasnya secara tekstual dan kontekstual (objektif) dan kedua-duanya tidak boleh dipisahkan sama sekali.

Terdapat beberapa ayat secara jelas menyebut maqasid syariah yang terdapat di dalam Quran seperti menghilang kepayaahan (رفع الحرج) pada ayat 185 surah al-Baqarah, ayat 6 surah al-Maidah, dan ayat 78 surah al-Hajj. Manakala contoh lain mengenai keadilan menentukan hak-hak seorang terdapat pada ayat 90 surah al-Nahl dan ayat 8 surah al-Maidah dan contoh mengenai larangan melakukan kerosakan terdapat pada ayat 56 dan 85 surah al-A'raf dan ayat 33 surah al-Maidah. Menurut Muhammad Sa‘ad al-Yubi, nas-nas tersebut adalah menjelaskan mengenai maqasid syariah ‘ammah (Muhammad Sa‘ad bin Ahmad al-Yubi, 1998). Manakala nas-nas yang berkaitan dengan maqasid syariah khassah adalah seperti solat terdapat pada ayat 45 surah al-Ankabut, zakat terdapat pada ayat 103 surah al-Baqarah, haji terdapat pada ayat 27 dan 28 surah al-Hajj, puasa terdapat pada ayat 183 surah al-Baqarah, wuduk terdapat pada ayat 6 surah al-Maidah, qisas terdapat pada ayat 179 surah al-Baqarah, curi terdapat pada ayat 38 surah al-Maidah, minum arak terdapat pada ayat 90 dan 91 surah al-Maidah dan lain-lain.

Menurut Muhammad Sa‘ad al-Yubi, para ulama telah menjadikan ayat-ayat tersebut dalam kategori maqasid syariah untuk menjelaskan bahagian *dururiyat*, *hajiyat*, dan *tahsiniyat* (Muhammad Sa‘ad bin Ahmad al-Yubi, 1998). Yusuf al-Qaradawi menambah bahawa terdapat nas-nas yang menyentuh secara langsung aspek menjaga dururiyat seperti ayat 173 surah al-Baqarah, menjaga rukhsah seperti ayat 185 surah al-Baqarah mengenai puasa, ayat 101 surah al-Nisa’ mengenai solat dan ayat 17 surah al-Fath mengenai jihad (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Menurutnya, nas-nas tersebut datang untuk menjaminkan perkara yang boleh membawa maslahah kepada hamba Allah dunia dan akhirat. Muhammad al-Amin bin al-Mukhtar al-Syanqiti menjelaskan bahawa nas Quran secara umumnya membawa maqasid al-syari‘ah dalam ruang lingkup درء المفاسد درء المفاسد terhadap perkara dururiyat dan جلب المصالح terhadap perkara hajiyat dan tahsiniyat (Muhammad al-Amin bin al-Mukhtar al-Syanqiti, t.t). Tegasnya, maqasid syariah berperanan bagi menjelaskan tujuan nas Quran dari aspek kontekstual.

### ■4.0 MAQASID SYARIAH DAN AYAT-AYAT HUKUM

Syariat Allah SWT menerusi ayat-ayat hukum telah diaturkan untuk memberi kebaikan dan menolak kerosakan kepada manusia sama ada di dunia atau akhirat. Muhammad ‘Abd al-‘Ati menyatakan bahawa syariat Allah SWT mempunyai maqasid menerusi hukum-hukum yang diturunkan kepada manusia (Muhammad ‘Abd al-‘Ati Muhammad ‘Ali , 2007). Menurutnya, Allah SWT tidak meletakkan sesuatu perkara dengan sia-sia. Muhammad Sa‘ad al-Yubi menyebut bahawa hukum-hukum Allah telah menetapkan maqasid untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat (Muhammad Sa‘ad bin Ahmad al-Yubi, 1998). Ekoran daripada itu, ayat-ayat hukum yang menjadi sumber hukum mempunyai maqasid. Menurut Muhammad Sa‘ad al-Yubi, ayat-ayat hukum mempunyai dua maqasid, iaitu; maqasid ‘ammah dan maqasid khassah. Menurutnya, maqasid tersebut dapat diketahui menerusi ‘ilat hukum atau menerusi ayat suruhan dan larangan. Terdapat di dalam Quran ayat-ayat hukum menjelaskan maqasid ‘ammah mengenai raf‘ al-haraj seperti ayat 6 surah al-Maidah, ayat 78 al-Hajj, dan ayat 185 surah al-Baqarah, mengenai keadilan seperti ayat 90 surah al-Nahl, ayat 152 surah al-An'am, dan ayat 8 surah al-Maidah, dan mengenai larangan melakukan kerosakan pada ayat 56 dan 85 surah al-A'raf dan ayat 33 surah al-Maidah. Manakala ayat-ayat hukum berkenaan maqasid khassah adalah mengenai ilat hukum seperti ayat 179 surah al-Baqarah mengenai qisas, ayat 38 surah al-Maidah mengenai sariqah (kecurian), ayat 45 surah al-Ankabut mengenai solat, ayat 103 surah al-Tawbah mengenai zakat dan sebagainya.

Menurut Muhammad ‘Abd al-‘Ati, hukum-hukum yang terdapat di dalam Quran mempunyai maqasid syariah (Muhammad ‘Abd al-‘Ati Muhammad ‘Ali, 2007). Justeru, ayat-ayat hukum yang menjelaskan hukum sama ada berkaitan dengan ibadah, muamalah, munakahah dan jinayah mempunyai maqasid syariah. Dalam hal ini Muhammad ‘Abd al-‘Ati telah menyenaraikan beberapa ayat hukum yang menjelaskan maqasid syariah seperti ayat 6 surah al-Maidah berkaitan wuduk, ayat 45 surah al-‘Ankabut berkaitan solat, ayat 103 surah al-Tawbah berkaitan zakat, ayat 179 surah al-Baqarah berkaitan qisas dan sebagainya. Manna’ al-Qattan dan Muhammad al-Hadri Bik menyebut bahawa ayat-ayat hukum yang diturunkan oleh Allah SWT telah memberi petunjuk ke arah maqasid syariah (Manna’ al-Qattan, 1987).

Yusuf Ahmad al-Badawi menyatakan bahawa maqasid syariah memain peranan penting dalam mentafsirkan ayat-ayat Quran (Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi, 2007). Menurutnya, hukum-hukum syarak bertujuan menetapkan kehambaan kepada Allah, kebaikan untuk hamba-hambanya dan menolak kerosakan. Oleh itu, nas Quran yang berkaitan dengan hukum perlu ditafsirkan menjurus kepada maqasid syariah supaya selari dengan kehendak syarak. Ibn ‘Asyur menjelaskan pula bahawa objektif pensyiaratan hukum hudud dan qisas menjurus kepada tiga perkara, iaitu; mendidik penjenayah, melembutkan hati mangsa dan menakutkan orang lain daripada melakukan jenayah (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2011). Oleh itu, ayat hukum berkenaan dengan jenayah dan seumpamanya mempunyai objektif yang jelas. Hal ini membawa maksud hukum tersebut tidak sia-sia. Penulis yakin terhadap penjelasan para ulama bahawa kaitan antara maqasid syariah dan ayat-ayat hukum erat serta tidak boleh dipisahkan.

Terdapat beberapa pandangan ulama mengenai cara mengenal pasti maqasid syariah khususnya yang terdapat pada ayat-ayat hukum. Ahmad al-Raysuni, menyatakan bahawa al-Syatibi telah membahagikan cara mengenal pasti maqasid syariah kepada lima, iaitu; menerusi bahasa Arab, menerusi lafaz amar dan nahi, menerusi maqasid asliyyah dan maqasid tab‘iyah, menerusi sukut al-syar‘i, dan menerusi istiqra’ (Ahmad al-Raysuni , 2010). Secara asasnya pembahagian ini telah dipersetujui oleh Muhammad ‘Abd al-‘Ati, namun beliau menambah kepada tujuh. Menerusi penelitian penulis, Muhammad ‘Abd al-‘Ati menambah cara mengenal pasti mengambil petunjuk para sahabat RA (al-ihtida’ bi al-sahabah) dan membuat pecahan lafaz amar dan nahi kepada ilat amar dan nahi (Muhammad ‘Abd al-‘Ati Muhammad ‘Ali, 2007). Menurut Muhammad Sa‘ad al-Yubi pula, cara untuk mengetahui maqasid adalah menerusi lima perkara, iaitu; istiqra’, mengetahui ‘ilat amar dan nahi, menerusi permulaan amar dan nahi secara jelas, menerusi laras ayat yang boleh dikenali maqasid dan menerusi sukut al-syar‘ (Muhammad Sa‘ad bin Ahmad al-Yubi, 1998). Ibn ‘Asyur hanya memfokuskan kepada tiga perkara sahaja yang boleh mengenal pasti maqasid dalam ayat-ayat hukum. Menurutnya, maqasid al-syar‘ah boleh dikenali menerusi istiqra’, dalil-dalil ayat Quran yang jelas dan menerusi hadith mutawatir (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2011).

Menerusi penelitian penulis, Muhammad Sa‘ad al-Yubi, Muhammad ‘Abd al-‘Ati dan Ahmad al-Raysuni cenderung mengambil pembahagian cara mengenal pasti maqasid syariah seperti al-Syatibi. Hisyam bin Sa‘id Azhar menyokong pembahagian tersebut berdasarkan kajianya terhadap maqasid syariah pada pandangan Imam al-Haramayn (Hisyam bin Sa‘id Azhar, 2010). Menurutnya, cara mengenal pasti maqasid syariah dalam pemikiran Imam al-Haramayn ialah; berdasarkan kepada nas, bahasa Arab, lafaz amar dan nahi, istiqra’, iqtida’ al-sahabah dan menerusi penggunaan akal. Justeru, penulis merasakan bahawa para sarjana walaupun secara angkanya tidak sepakat, namun terdapat beberapa pembahagian menyamai antara mereka. Secara asasnya penulis dapat simpulkan bahawa cara mengenal pasti maqasid syariah dalam ayat-ayat hukum adalah kepada dua bahagian, iaitu; menerusi bahasa Arab dan menerusi ijtihad.

Bahasa Arab merupakan perkara asas cara mengenal pasti maqasid syariah dalam ayat-ayat hukum. Hal ini disebabkan ayat Quran dan sunnah Nabi SAW adalah bahasa Arab. Oleh itu, lafaz yang berkaitan dengan amar, nahi, nas, zahir dan sebagainya yang menjadi petunjuk maqasid syariah adalah dalam bahasa Arab. Ekoran daripada itu, terdapat beberapa contoh ayat-ayat hukum yang dihubungkan dengan maqasid al-syar‘ah menerusi kajian ini. Contoh lafaz amar ialah firman Allah SWT:... فَاصْلُحُوا بَيْتَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ... Lafaz اصلحوا dan أقسطوا adalah kata kerja suruh (fa‘el amar) plural yang berasal daripada لا تقتلوا النفس التي حرم الله إلا بالحق... Lafaz لا تقتلوا adalah kata kerja larangan (fa‘el nahi) plural yang berasal daripada lafaz لا. Penggunaan lafaz amar dan nahi di dalam ayat hukum tersebut adalah secara sarih (jelas). Menurut Yasin Jasim, lafaz amar sarih adalah penggunaan lafaz fa‘el amar secara jelas, mempunyai makna tuntut melakukan, tuntut melakukan secara terang, tuntut melakukan secara mesti dan tuntut tersebut daripada yang mempunyai kuasa (Yasin Jasim , 2001). Manakala lafaz nahi di atas merupakan lafaz nahi sarih. Menurut Yasin Jasim, lafaz nahi sarih hanya satu, iaitu fa‘el mudari‘ yang disertai dengan kalimah لا التاهية. Ekoran daripada itu, lafaz أصلحوا dan أقسطوا adalah lafaz amar dan lafaz لا تقتلوا adalah lafaz nahi yang boleh dihubungkan ketiga-ketiganya kepada maqasid al-syar‘ah. Oleh itu, suruhan berbuat baik dan berlaku adil boleh dihubungkan dengan maqasid al-syar‘ah. Manakala larangan membunuh juga boleh dihubungkan dengan maqasid syariah.

Terdapat contoh ayat yang berkaitan dengan penggunaan lafaz-lafaz yang menunjukkan kepada maslahah dan mafsdadah. Menurut Muhammad Sa‘ad al-Yubi, lafaz الضر والنفع, الشر والخير dan seumpamanya merupakan lafaz-lafaz yang menunjukkan terhadap maslahah dan mafsdadah (Muhammad Sa‘ad bin Ahmad al-Yubi, 1998). Hal ini boleh dilihat kepada ayat 219 surah al-Baqarah mengenai arak, ayat 184 surah al-Baqarah mengenai solat, ayat 25 surah al-Nisa’ mengenai perkahwinan, ayat 2 surah al-Maidah dan ayat 24 surah al-Nur mengenai fitnah hadith al-ifk. Ayat-ayat tersebut ada menyebut berkenaan lafaz-lafaz yang mempunyai makna maslahah dan mafsdadah. Oleh itu, ianya boleh dihubungkan kepada maqasid syariah.

Ijtihad merupakan cara kedua yang membolehkan mufassir mengaplikasi maqasid syariah dalam kupasan ayat-ayat hukum. Mufassir bukan sahaja perlu mahir dalam menentukan ‘ilat al-hukm bahkan mufassir perlu mengetahui pelbagai bidang ilmu moden seperti ilmu sains moden untuk menentukan buruk baiknya sesuatu ketetapan Allah SWT. Sebagai contoh mufassir perlu mempunyai maklumat mengenai kesan penarakan di abad moden menerusi kajian saintifik. Maklumat tersebut akan membantu mufassir mengupas aspek kesihatan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya mengenai mafsdadah aktiviti penarakan. Kupasan tersebut akan menjelaskan kemampuan mufassir mengaplikasikan maqasid syariah terhadap pentafsiran ayat berkenaan arak.

## ■5.0 APLIKASI MAQASID SYARIAH TERHADAP PENTAFSIRAN AYAT HUKUM ARAK DALAM TAFSIR AL-AZHAR

Setakat kajian ini berjalan, ayat yang membicarakan mengenai arak dari aspek etimologi atau terminologi adalah sebanyak 8 ayat. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 219 surah al-Baqarah, ayat 43 surah al-Nisa', ayat 90 dan 91 surah al-Maidah, ayat 36 dan 41 surah Yusuf, ayat 67 surah al-Nahl dan ayat 15 surah Muhammad. Menurut Paizah Ismail, ayat-ayat yang menjadi dalil pengharaman arak hanya terdapat pada ayat 219 surah al-Baqarah, ayat 43 surah al-Nisa' dan ayat 90 dan 91 surah al-Maidah (Paizah Ismail, 2003). Terdapat sebahagian fuqaha ada mengambil salah satu ayat ini sebagai dalil pengharaman arak ('Abd al-Qadir 'Audah, 2000). Muhammad 'Ali al-Sabuni berpandangan bahawa ayat 219 surah al-Baqarah bukan dalil pengharaman arak tetapi dalil kejelikan arak (Muhammad 'Ali al-Sabuni, 1997). Menurutnya, dalil pengharaman arak adalah terdapat pada ayat 90 dan 91 surah al-Maidah. Manakala ayat-ayat yang lain hanya membicarakan arak secara etimologi dan ianya tiada kaitan dengan hukum jenayah. Jadual 1 menunjukkan kedudukan ayat mengenai hukum arak.

Jadual 1 Ayat-Ayat Mengenai Hukum Arak

Bil.	Nama Surah	No. Surah	No. Ayat	Ayat
1.	Al-Baqarah	2	219	يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِيمَانٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعَ لِلنَّاسِ وَإِنَّهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَعْهُمَا وَيَسْأَلُونَكُمْ مَاذَا يُنْفِعُونَ فِي الْعُفْوِ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ
2.	Al-Nisa'	4	43	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُغْرِبُوا الصَّدَأَ وَإِنَّمَا شَكَارُكُمْ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَغْلُبُونَ وَلَا جُنَاحَ إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَعْتَصِلُوا وَإِنْ شُئْمَ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ حَاجَةً أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَ�يْبَطِ أَوْ لَا هَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تُجِدُوا مَاءً تَقْتَمِمُوا صَعِيدًا طَبِّقُوا بِعَوْهِجَمْ وَأَيْدِيْكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفْوًا إِلَيْهِ الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَصْبَابُ وَالْأَزْلَمُ رَحْمَنْ مِنْ عَنْ الشَّيْطَانِ فَاجْتَبَيْهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِخُونَ إِلَيْهِ السَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بِيَنْكُمُ الْأَعْدَاءُ وَالْبَغْشَاءُ فِي الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَضَدَّكُمْ عَنْ دُنْيَ اللَّهِ وَعَنِ الْعَصَلَةِ فَهُنَّ أَنْثُمْ مُمْتَهَنُونَ
3.	Al-Maidah	5	90	وَدُخُلَنَ مَعَهُ السَّيْخُونَ قَيْمَانَ قَالَ أَحَدُهُمْ إِنِّي أَرَىٰ أَغْيَرَ حُمْرًا وَقَالَ الْأَخْرَىٰ إِنِّي أَرَىٰ أَجْنَانَ فَوْقَ رَأْسِي خَيْرًا تَأْمَلُنَ الطَّيْرُ مِنْهُ بَقَنَنَ يُتَأْوِلُهُ إِنَّ نَزَكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ
4.	Al-Maidah	5	91	يَا صَاحِبِيَ السَّيْخِ أَمَا أَخْلَكُمَا فَيَسْقِي رَبَّهُ حُمْرًا وَأَمَا الْأَخْرَىٰ فَيُصَلِّبُ فَتَأْكُلُنَ الْعَيْرُ مِنْ رَأْسِهِ فَضَيِّعُ الْأَمْرَ الَّذِي فِيهِ تَسْتَبِينَ
5.	Yusuf	12	36	وَمِنْ نَمَراتِ التَّجْبِيلِ وَالْأَنْتَابِ تَنَحَّلُونَ مِنْهُ سَكُورًا وَرِزْقًا حَسِنَتَا إِنِّي فِي ذَلِكَ لَآتَيْهِ لَعْنَمْ يَعْقِلُونَ مَلِكَ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعِدَ الْمُمْتَهَنُونَ فِيهَا أَنْهَازَ مِنْ مَاءَ غَيْرِ أَسِنٍ وَأَنْهَازَ مِنْ لَبَنٍ مَمْ يَعْبَرُ طَمْعَهُ وَأَنْهَازَ مِنْ عَسَلٍ مُصْنَفَى وَلَمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الْعَمَراتِ وَمَعْفُورَ مِنْ رَحْمَمْ كَمْ هُوَ حَالَلِي فِي التَّارِ وَشَعَرَ مَاءَ حِيجَنَا قَطْعَ أَمْعَاجَمَ
6.	Yusuf	12	41	يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِيمَانٌ كَبِيرٌ وَمَنْ رَأَيْهُ فَضَيِّعُ الْأَمْرَ الَّذِي فِيهِ تَسْتَبِينَ
7.	Al-Nahl	16	67	وَمِنْ نَمَراتِ التَّجْبِيلِ وَالْأَنْتَابِ تَنَحَّلُونَ مِنْهُ سَكُورًا وَرِزْقًا حَسِنَتَا إِنِّي فِي ذَلِكَ لَآتَيْهِ لَعْنَمْ يَعْقِلُونَ
8.	Muhammad	47	15	مَلِكَ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعِدَ الْمُمْتَهَنُونَ فِيهَا أَنْهَازَ مِنْ مَاءَ غَيْرِ أَسِنٍ وَأَنْهَازَ مِنْ لَبَنٍ مَمْ يَعْبَرُ طَمْعَهُ وَأَنْهَازَ مِنْ عَسَلٍ مُصْنَفَى وَلَمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الْعَمَراتِ وَمَعْفُورَ مِنْ رَحْمَمْ كَمْ هُوَ حَالَلِي فِي التَّارِ وَشَعَرَ مَاءَ حِيجَنَا قَطْعَ أَمْعَاجَمَ

Terdapat 8 ayat berkaitan dengan hukum arak telah ditafsirkan oleh Hamka dalam karya tafsirnya. (Hamka, 1982). Menerusi kajian ini, penulis telah meneliti ayat-ayat tersebut dalam karya Tafsir al-Azhar pada jilid 1 dalam juzuk 2 bagi ayat 219 surah al-Baqarah, jilid 2 juzuk 5 bagi ayat 43 surah al-Nisa', jilid 3 juzuk 7 bagi ayat 90 dan 91 surah al-Maidah, jilid 4 juzuk 12 bagi ayat 36 dan 41 surah Yusuf, jilid 5 juzuk 14 bagi ayat 67 surah al-Nahl dan jilid 8 juzuk 26 bagi ayat 15 surah Muhammad.

**Ayat Pertama:** Ayat 219 surah al-Baqarah merupakan ayat pertama yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِيمَانٌ كَبِيرٌ وَمَنْ رَأَيْهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَعْهُمَا وَيَسْأَلُونَكُمْ مَاذَا يُنْفِعُونَ فِي الْعُفْوِ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Mereka bertanya kepada kamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi?. Katakan: "Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya". Dan mereka bertanya pula kepada kamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan )?. Katakanlah: "(Dermakanlah apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu)". Demikianlah Allah SWT menerangkan kepada kamu ayat-ayatnya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.

(Surah al-Baqarah: Ayat 219)

Menerusi kajian ini, penulis telah meneliti bahawa Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut dengan menyentuh aspek mafsdadah (kerosakan) dan aspek maslahah (kebaikan) menerusi kaedah iaitu; penolakan terhadap mafsdadah (kerosakan) dan menarik maslahah (kebaikan). Selain itu, Hamka juga mengaplikasikan maqasid syariah dengan mengupaskan aspek dan tisyirir al-husn

Aspek mafsdadah (kerosakan) telah diperluaskan oleh Hamka melibatkan sekurang-kurangnya tiga pihak (Hamka, 1982). Pertama peminum arak sendiri akan mendapat kerrosakan pada jasmani dan rohani. Hal ini disebabkan peminum menjadi mabuk sehingga hilang kawalan terhadap akal lalu mencarut, memaki, membuat malu di hadapan orang ramai serta meninggalkan solat. Arak juga akan menyebabkan kesihatan peminumnya terganggu iaitu boleh menyebabkan kerrosakan kepada pencernaan makanan dan jantungnya.

Kedua arak menjadi penyebab kerrosakan kepada masyarakat. Menurut Hamka, hal ini berlaku apabila peminum arak mabuk menyebabkan hilang pertimbangan dan akan bertindak ganas dengan memukul atau membunuh orang. Ketiga arak akan merosakkan Negara. Dalam hal ini Hamka telah membuat contoh mengenai sebilangan pegawai Kerajaan Indonesia yang rosak budi pekerti mereka kerana arak. Perkara ini berlaku kerana semasa pemerintah penjajah iaitu Kolonel Belanda cuba merosakkan pegawai-pegawaiannya yang beragama Islam termasuk beberapa Raja dengan mengajar mereka meminum arak. Akhirnya pegawai-

pegawai tersebut ketagihan arak sehingga banyaknya kedai-kedai arak dibuka khususnya di Surabaya dan beberapa tempat di Indonesia (Hamka, 1982).

Menerusi ayat tersebut aspek maslahah (kebaikan) arak juga telah diulaskan oleh Hamka dengan menyatakan bahawa pemimum arak boleh jadi seorang yang kuat badannya dan berani menghadapi perang. Namun begitu, kerosakan lebih banyak daripada kebaikan. Menurutnya, jika pemimum arak minum seratus kali mungkin satu kali sahaja dia mendapat manfaat. Oleh itu, pengharaman arak adalah wajar kerana *جَلِبُ الْمَصَالِحِ مَدْهُودٌ* iaitu; penolakan terhadap mafsaadah (kerosakan) dan menarik maslahah (kebaikan). Hamka menambah lagi bahawa fungsi akal sangat besar sehingga dibenarkan oleh Allah SWT untuk membuat pertimbangan soal-soal yang manfaat dan mudarat. Perkara ini merupakan urusan kepada maqasid syariah (Hamka, 1982).

Aspek (mudah) juga diaplikasikan oleh Hamka bagi menjelaskan pengharaman arak adalah berperingkat. Menurutnya, ketika ayat 219 surah al-Baqarah turun umat Islam masih lagi meminum arak. Terjadi suatu peristiwa yang melibatkan beberapa orang sahabat solat Maghrib berjemaah dalam keadaan mabuk lalu turun ayat 42 surah al-Nisa' menegah supaya tidak menghampiri solat dalam keadaan mabuk. Setelah berlalu beberapa ketika turun pula ayat 90 surah al-Maidah memberi penjelasan pengharaman arak. Oleh itu, ayat pengharaman ini turun berperingkat untuk memberi kemudahan kepada umat Islam meninggalkan arak sedikit demi sedikit.

Aspek memelihara *الضروريات الخمس* iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta telah diaplikasikan oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat 219 surah al-Baqarah ini. Menurut Hamka, budaya meminum arak ini bukan sahaja merosakkan akal semata-mata tetapi juga merosakkan harta. Menurutnya, seorang pemimum arak adalah pemboros harta (Hamka, 1982). Hamka menambah lagi bahawa kemudaratan arak ini juga menyebabkan agama pemimum menjadi kacau. Hal-hal yang berkaitan dengan ibadah solat kerap kali kecinciran. Justeru itu, keburukan meminum arak merentasi kemudaratan akal kepada kemudaratan menjaga agama dan kemudaratan menjaga harta. Tegasnya, Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut.

**Ayat Kedua:** Ayat 43 surah al-Nisa' merupakan ayat kedua yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّىٰ تَعْلَمُو مَا تَعْلُمُونَ ...

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman!, jangan kamu menghampiri sembahyang (mengerjakannya) ketika kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan...

(Surah al-Nisa': Ayat 43)

Menerusi kajian ini, penulis telah meneliti bahawa Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut dengan menyentuh aspek mafsaadah (kerosakan) ketika menjelaskan ayat tersebut. Menurut Hamka, ayat ini tidak menjelaskan mengenai hukum pengharaman minum arak (Hamka, 1982). Tetapi ianya menjelaskan mafsaadah daripada meminum arak ketika seseorang ingin beribadah seperti solat. Menurutnya, akibat meminum arak seseorang itu akan rosak akal fikiran dan rosak ibadah yang sedang dikerjakannya. Hal ini disebabkan solat merupakan urusan utama dalam agama Islam. Menurut Hamka lagi, seseorang yang sedang solat bererti dia sedang menghadap Tuhan. Oleh itu, tidak sempurna ibadah jika seseorang menghadap Tuhan dalam keadaan mabuk. Ekoran daripada itu, Hamka menjelaskan bahawa sebab penurunan ayat ini adalah untuk mengharamkan mereka yang ingin menunaikan solat dalam keadaan mabuk kerana ianya membawa kepada mafsaadah.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa aspek mafsaadah telah dihuraikan oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat 43 surah al-Nisa'. Aspek kepentingan menjaga agama iaitu solat juga dihuraikan oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat tersebut. Menurut Hamka, mabuk mempunyai maksud yang luas iaitu segala jenis kekacauan fikiran, hati yang bercelaru dan fikiran yang kusut (Hamka, 1982). Menurutnya, semua ini menyebabkan ibadah solat terganggu. Oleh itu, menjadi kemestian seorang yang ingin solat mengetahui rukun qawli (perkataan) rukun fi'li (perbuatan) supaya sempurna. Tegasnya, Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut.

**Ayat Ketiga dan Keempat:** Ayat 90 dan 91 surah al-Maidah merupakan ayat ketiga dan keempat yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا اخْتَرُوا الْمُنَسِّرَ وَالْأَنْصَابَ وَالْأَرْلَامَ رِحْسَنٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَهَوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ \* إِنَّمَا يُؤْذِدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بِيَنْكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبُضْطَاءُ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدُّكُمْ عَنِ دُرُّكُ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهُنَّ أَنْثُمْ مُنْتَهُونَ

Terjemahannya: (Ayat 90) Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (Ayat 91) Sesungguhnya Syaitan itu hanya bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?.

(Surah al-Maidah: Ayat 90-91)

Menerusi kajian ini, penulis telah meneliti bahawa Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut dengan menyentuh aspek mafsaadah, aspek memelihara *الضروريات الخمس* dan aspek (mudah). Menerusi aspek mafsaadah, Hamka telah menjelaskan bahawa kesan daripada pengambilan arak menyebabkan seseorang itu rosak akal sehingga hilang kawalan diri (Hamka, 1982). Ekoran daripada itu, pemimum arak merupakan seorang manusia yang rosak akhlaknya. Menurutnya, seorang pemimum arak mudah berkelahi, mencarut dan memaki-maki. Hal ini disebabkan orang yang mabuk akibat meminum arak sudah dianggap orang gila. Perbuatan tersebut akan menyebabkan pergaduhan, melunturkan keharmonian dan menghilangkan kesejahteraan hidup dalam masyarakat. Menurut Hamka lagi, disebabkan mabuk perangai pemimum arak berubah daripada perangai manusia kepada perangai binatang (Hamka, 1982).

Aspek memelihara **الضروريات الخمس** juga telah diaplikasikan oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat 90 dan 91 surah al-Maidah ini. Menerusi aspek ini Hamka menjelaskan bahawa mafsaadah arak menyebabkan peminumnya terdorong melakukan pelbagai perbuatan mungkar seperti arak, pelacuran, homoseks, lesbian, pencurian, perjudian dan pembunuhan. Perbuatan mungkar tersebut berkaitan dengan nyawa, keturunan dan harta. Hamka menambah lagi bahawa mafsaadah arak diketahui oleh semua lapisan masyarakat dunia kerana ianya merosakkan jiwa, kesihatan, akhlak dan ekonomi (Hamka, 1982). Oleh itu, terdapat undang-undang yang keras telah digubalkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada tahun 1920 bagi melarang rakyatnya meminum arak. Menurut Hamka, Kerajaan Amerika Syarikat telah membelanjakan lebih 65 juta Dollar pada tahun 1925 bagi tujuan iklan dan promosi larangan meminum arak. Secara sedar Kerajaan Amerika Syarikat mengetahui bahawa arak adalah ibu segala kejahanan. Justeru, Hamka menjelaskan bahawa tidak ada makhluk Allah di atas muka bumi ini mempertahankan bahawa arak itu berfaedah. Perkara ini dapat dibuktikan ketika undang-undang larangan meminum arak dibentangkan oleh Kongres Amerika Syarikat mereka mendapat sokongan padu daripada rakyatnya.

Aspek **التيسير** juga disentuh oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat ini. Menurutnya, pada peringkat awal Islam arak tidak diharamkan oleh Allah SWT walaupun turun ayat 219 surah al-Baqarah mengenainya (Hamka, 1982). Kemudian turun ayat 43 surah al-Nisa' melarang umat Islam minum arak waktu mengerjakan solat. Setelah umat Islam menyedari bahawa arak mempunyai mafsaadah lalu turun ayat 90 dan 91 surah al-Maidah mengharamkannya secara mutlak. Pengharaman secara beransur-ansur ini telah memberi kemudahan **التيسير** kepada umat Islam untuk meninggalkan tabiat buruk tersebut. Hamka menambah bahawa kemudahan ini juga diperolehi oleh umat Islam yang meninggalkan dunia sebelum turun ayat pengharaman arak seperti Hamzah bin 'Abd al-Mutalib dan sahabat-sahabat Nabi SAW yang lain. Hal ini disebabkan Allah SWT telah memaafkan perbuatan mereka yang lampau.

Aspek **سد الذرائع** (menghalang jalan) diperjelas oleh Hamka ketika mentafsirkan ayat tersebut. Menurutnya, hukuman sebatan sebanyak 40 kali dan diikuti 80 kali diperkenalkan oleh ajaran Islam bagi membendung gejala ketagihan arak di kalangan umat Islam. Hamka menjelaskan hukuman ini sangat berkesan sehingga pemeluk Islam seluruh dunia benci kepada arak bermula perlaksanaannya di Tanah Arab (Hamka, 1982). Penulis merasakan bahawa hukuman sebatan yang bakal dilaksanakan ke atas peminum arak merupakan sebahagian daripada bentuk **سد الذرائع**. Selain itu, terdapat pelbagai kaedah yang lain lagi untuk menyekat gejala meminum arak seperti pengisian rohani, menutup pusat-pusat arak yang tidak berlesen dan sebagainya.

Perlaksanaan peraturan Islam mengenai jenayah minum arak meliputi semua aspek yang berkaitan dengan jasmani dan rohani. Peraturan ini konsisten dan mempunyai nilai terapeutik bagi merawat moral manusia. Sebaliknya undang-undang yang digubal oleh manusia tidak konsisten dan gagal berfungsi. Hal ini dibuktikan menerusi perlaksanaan undang-undang ciptaan manusia seperti di Amerika Syarikat. Menurut Hamka, Amerika Syarikat hanya mampu mempertahankan undang-undang larangan meminum arak selama 14 tahun (Hamka, 1982). Kesimpulannya, Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat 90 dan 91 surah al-Maidah secara meluas.

**Ayat Kelima dan Keenam:** Ayat 36 dan 42 surah Yusuf merupakan ayat kelima dan keenam yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

وَدَخَلَ مَعَهُ السَّجْنَ فَتَبَانَ قَالَ أَخْدُهُمَا إِنِّي أَرَىيْ أَجْمَعِينَ عَصِيرَ حَمْرًا وَقَالَ الْآخَرُ إِنِّي أَرَىيْ أَجْمَعِينَ قَوْقَ رَأْسِي خُبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ نَبْتَنَا بِتَأْوِيلِهِ إِنَّمَا تَرَكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya: Dan telah masuk bersamanya ke dalam penjara dua orang pemuda. Berkatalah salah seorang di antara keduanya: "Sesungguhnya aku bermimpi memerah anggur". Dan yang lainnya berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku membawa roti di atas kepalamu, sebagiannya dimakan burung". Berikanlah kepada kami takwilnya; sesungguhnya kami memandang kamu termasuk orang yang pandai (mentakwilkan mimpi).

(Surah Yusuf: Ayat 36)

يَا صَاحِي السَّجْنِ أَمَا أَخْدُكُمَا فَيَسْتَقْبِلُ زَرَّةً حَمْرًا وَأَمَا الْآخَرُ فَيُصْلَبُ فَتَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ فَضَيِ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْتَغْفِيَنِ

Terjemahannya: Wahai kedua penghuni penjara! Adapun salah seorang di antara kamu akan memberi minum tuannya dengan arak; manakala yang seorang lagi pula akan disalib, lalu burung memakan sebahagian kepalanya. Telah terjawab perkara yang kamu tanyakan (kepadaku).

(Surah Yusuf: Ayat 41)

Menerusi kajian ini, penulis mendapati Hamka tidak mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat 36 dan 41 surah Yusuf ini (Hamka, 1982). Penulis merasakan arak yang disebut dalam ayat tersebut datang bersama kisah Nabi Yusuf AS lalu Hamka tidak menjelaskannya seperti Ibn 'Asyur. Namun, terdapat mufassir menjelaskan secara ringkas makna yang terdapat pada ayat tersebut. Sebagai contoh Ibn Kathir, al-Syawkani dan al-Maraghi menyebut **الخمر** tersebut sebagai perahan anggur bukan arak kecuali al-Maraghi (Isma'il bin 'Umar bin Kathir , 2004), (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1998), (Muhammad bin 'Ali al-Syawkani , 1998). Justeru, Hamka tidak mengulas ayat tersebut sama ada dari aspek bahasa, hukum atau maqasid syariah.

**Ayat Ketujuh:** Ayat 67 surah al-Nahl merupakan ayat ketujuh yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَسْجَلُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِيَّةً لِقَوْمٍ يَمْقُولُونَ

Terjemahannya: Dan daripada buah kurma dan anggur, kamu buat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang memikirkan.

(Surah al-Nahl: Ayat 67)

Menerusi kajian ini, penulis telah meneliti bahawa Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah ketika mentafsirkan ayat tersebut dengan menyentuh aspek maslahah dan aspek memelihara **الضروريات الخمس**. Justeru, Hamka mengupas aspek maslahah pada ayat di atas berkenaan dengan buah kurma dan anggur yang boleh dimanfaatkan oleh manusia sebagai sumber rezeki mereka

(Hamka, 1982). Namun, jika dibuat minuman yang memabukkan seperti arak ianya akan merosakkan akhlak mereka. Oleh itu, Hamka menyatakan bahawa buah kurma dan anggur seumpama tenaga atom yang boleh menjadi alat pemusnah atau alat yang boleh memajukan kehidupan manusia. Menurutnya, kepandaian manusia dan niat mereka akan menentukan baik atau buruk sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Manakala aspek memelihara *الضروريات الخمس* pula, Hamka menjelaskan bahawa ayat 67 surah al-Nahl menekankan kepentingan menjaga akal (hifz al-aql) untuk digunakan kepada maslahah bukan kepada mafsaadah. Menerusi penjagaan akal yang sempurna akan menghasilkan penjagaan harta (hifz al-mal) pula. Menurut Hamka, ayat tersebut menyuruh manusia berfikir cara untuk memajukan pertanian dan memperbanyakkan hasil bumi supaya ianya dapat dimanfaatkan oleh manusia (Hamka, 1982). Menurutnya, ayat tersebut bukan cerita mengenai minuman keras diharuskan oleh syarak kerana pengharaman mengenainya sudah jelas.

Kesimpulannya, menerusi ulasan tersebut, penulis merasakan bahawa Hamka telah menjelaskan aspek maslahah, aspek penjagaan akal dan harta yang merupakan sebahagian perbincangan maqasid syariah secara ringkas dan padat. Justeru, Hamka telah mengaplikasikan maqasid syariah dalam pentafsiran ayat tersebut.

**Ayat Kelapan:** Ayat 15 surah Muhammad merupakan ayat kelapan yang akan diteliti oleh penulis mengenai pentafsiran Hamka berkenaan arak dalam Tafsir al-Azhar. Firman Allah SWT:

مَثْلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِّنْ مَاءٍ غَيْرِ أَسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِّنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَّقِيرْ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِّنْ عَسْلٍ مُصَنَّى وَكُنْ مِّنْ كُلِّ الشَّمَراتِ وَمَغْفِرَةً مِنْ رَجْمِ كَهْنَ مُهُوكَلَةً فِي النَّارِ وَمُشْوَأْ مَاءً حَيْمَانَ قَطْعَةً أَعْمَاءُهُمْ

Terjemahannya: Perumpamaan penghuni syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertakwa; di sana ada sungai-sungai yang airnya tidak payau dan sungai-sungai air susu yang tidak berubah rasanya dan sungai-sungai khamar (anggur yang tidak memabukkan) yang lazat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai madu yang murni. Di dalamnya mereka memperolehi segala macam buah-buahan dan keampunan daripada tuhan mereka. Samakah mereka dengan orang yang kekal dalam neraka dan diberi minuman dengan air yang mendidih, sehingga hancur ususnya?

(Surah Muhammad: Ayat 15)

Menerusi kajian ini, penulis meneliti Hamka tidak menyentuh aspek maqasid syariah ketika menjelaskan berkenaan dengan air sungai khamr (arak) yang mengalir di dalam syurga. Hamka juga tidak mengupas mengenai arak daripada aspek yang lain. Ternyata dalam ayat ini Hamka hanya memberi ulasan kepada susu, madu dan buah-buahan (Hamka, 1982). Sikap Hamka dalam perkara ini agak berbeza dengan mufassir yang lain seperti Ibn Kathir, al-Syawkani dan lain-lain.

Justeru itu, penulis merasakan sikap Hamka ini tidak suka memanjangkan perbincangan perkara ini kerana masyarakat sudah memahami bahawa arak di dalam syurga berbeza sama sekali dengan arak yang berada di dunia. Hal ini boleh dibuktikan menerusi pandangannya yang menyatakan buah-buahan syurga berbeza rasanya daripada buah-buahan di dunia walaupun mempunyai nama yang sama. Menurutnya, terdapat di dalam syurga buah-buahan seperti durian, nangka, mangga, dan sebagainya yang berbeza rasanya. Tegasnya, Hamka tidak mengaplikasikan maqasid syariah dalam pentafsiran ayat tersebut.

## ■6.0 PENUTUP

Kajian ini mendapati bahawa maqasid syariah mempunyai peranan terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum bagi menambahkan lagi kefahaman mengenai tujuan penurunan wahyu Allah SWT. Menerusi maqasid syariah ayat-ayat hukum tidak dilihat dari aspek teksual semata-mata tetapi menjangkau kepada kefahaman kontekstual. Justeru, mufassir perlu mendalami ilmu maqasid syariah supaya mampu mengaplikasikannya ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam karya mereka. Hal ini disebabkan maqasid syariah mempunyai pertalian yang erat dengan ayat-ayat hukum. Kajian ini juga mendapati bahawa Hamka berupaya mengaplikasikan ayat-ayat hukum arak sebanyak 5 ayat yang terdapat dalam karya Tafsir al-Azhar. Aspek maqasid syariah yang ulas oleh Hamka terfokus kepada aspek maslahah, aspek mafsaadah, aspek al-taysir, aspek sadd al-dharai' dan aspek al-dururiyat. Tegasnya, maqasid syariah mempunyai peranan bagi melebarkan pemahaman berkaitan dengan pentafsiran ayat-ayat hukum yang terdapat di dalam Quran.

## Rujukan

- ‘Abd al-Hamid al-Susuwah. (t.t). *al-Asas al-‘Ammah li Fahm al-Nas al-Syar‘i*. Sanaa: Dar al-Jami‘at al-Yamaniyyah.
- ‘Abd al-Qadir ‘Audah. (2000). *al-Tasyri‘ al-Jina‘i al-Islami*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Karim Zaydan. (1993). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tawzi‘ wa al-Nasyr.
- Ahmad al-Raysuni. (2010). *Nazariyat al-Maqasid ‘ind al-Imam al-Syatibi*. Kaherah: Dar al-Hikmah li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Ahmad al-Raysuni. (2014). *Min ‘Alam al-Fikr al-Maqasidi*. Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Ahmad al-Raysuni. (2014). *Al-Fikr al-Maqasidi Qawa'idh wa Fawa'idh*. Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Ahmad al-Mustafa al-Maraghi. (1998). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Allal al-Fasi. (2011). *Maqasid syariah al-Islamiyyah wa Makarimuhu*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Fadl Ilahi. (1983). *al-Tadabir al-Waqiyah min al-Arak fi Fiqh al-Islami*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Hisyam Sa‘id Azhar. (2010). *Maqasid syariah ‘Ind Imam al-Haramayn*. Riyad: Maktabah al-Ruysd.
- Ismail Muhamad al-Sa‘idat. (2011). *Maqasid syariah ‘ind al-Imam al-Ghazali*. ‘Amman: Dar al-Nafais.
- Ismail ‘Umar bin Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Manna‘ al-Qattan. (1987). *al-Tasyri‘ wa al-Fiqh fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Muhamad al-Ghazali. (t.t). *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi.
- Muhammad Muhamad al-Ghazali. (1999). *Syifa‘ al-Ghalil fi Bayan al-Syabah wa Mukhil wa Masalik al-Ta‘lil*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad Ahmad Ruyd al-Qurtubi. (1999). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad ‘Abd al-‘Ati Muhamad ‘Ali. (2007). *Al-Maqasid syariah wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Hadith.

- Muhammad 'Ali al-Sabuni. (1997). *Rawai' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur. (2011). *Maqasid syariah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafais.
- Muhammad al-Amin al-Mukhtar al-Syanqiti. (t.t). *Mudhakirah Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Muhammad al-Hadri Bik. (1965). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijari al-Kubra.
- Muhammad 'Ali al-Syawwaki. (1998). *Fath al-Qadir Jami' bayna Fannai al-Riwayah wa Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad Sa'ad Ahmad al-Yubi. (1998). *Maqasid syariah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha bi al-Adillah al-Syar'iyyah*. Riyad: Dar al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Nur al-Din Muhktar al-Khadimi. (2013). *Abhaath fi Maqasid syariah*. Beirut: Dar Maktabah al-Ma'arif.
- Samih 'Abd al-Wahhab al-Janadi. (2013). *Maqasid syariah 'ind Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Damsyik: Muassasah al-Risalah.
- Samih 'Abd al-Wahhab al-Janadi. (2008). *Ahammiyat al-Maqasid fi syariah al-Islamiyyah wa Atharuha fi Fahm al-Nas wa Istinbat al-Hukm*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Yasin Jasim. (2001). *al-Amr wa al-Nahy 'Ind Ulama' al-'Arabiyyah wa Usuliyin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi. (2000). *Maqasid syariah 'ind Ibn Taymiyah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Yusuf al-Qaradawi. (2001). *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Daw'i Nusus syariah wa Maqasiduha*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Yusuf al-Qaradawi. (2001). *Kaif Nat'amalu Ma'a al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Danial Zainal Abidin. (2007). *Quran Saintifik*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hamka. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Paizah Ismail. (2003). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd..
- Mat Saad Abdul Rahman. (2006). *Pembelaan Kesalahan Jenayah Dalam Masyarakat Majmuk*. Selangor: Intel Multimedia And Publication.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid et al.. (2012). *Maqasid syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Said Ibrahim. (1996). *Kanun Jenayah Syar'iyyah*. Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah.